



**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 2 (102)
Tarikh : 10hb Ogos 2020

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan **B04, CE06 DAN CE21, CIDB SIJIL PEROLEHAN KERAJAAN, CIDB SIJIL TARAF BUMIPUTERA, SIJIL SSM** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

BP 21/2020 - Kerja-Kerja Mengganti Gutter, Down Pipe dan kerja-kerja Berkaitan di Rumah Pangsa Senawang 1, Seremban Negeri Sembilan.

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke Rumah Pangsa Senawang 1 untuk taklimat (**Wajib**) pada **17 Ogos 2020 (Isnin)** jam **10.30 pagi**. **Sila bawa bersama sijil-sijil ASAL seperti yang dinyatakan di perenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.** Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut. Taklimat Projek dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** (SOP KKM: penjarakan sosial dan 'hand sanitizer' di syartkan).
3. Dokumen akan mula dijual pada **17 Ogos 2020 (Isnin)** iaitu pada pukul **3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **24 Ogos 2020 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAF BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(MOHD FAZLI BIN ABD JALIL)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan